



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM

KOD KURSUS : UWA10102

PROGRAM : 1 BBB/BBC/BBE/BBF/BBG/BEJ/BEV/  
BFF/BIM/BIP/BIS/BIT/BIW/BNC/BND/  
BNK/BNL/BNN/BPA/BPB/BPC/BPD/  
BWA/BWC/BWD/BWQ/BWW  
2 BDD/BEJ/BEV/BFF/BIS/BIW  
3 BEV  
4 BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014/JANUARI 2015

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS  
SOALANINI KELUAR DARI  
DEWAN PEPERIKSAAN

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT**

**S1** Apakah perkataan asal bagi Islam?

- A *Salmi*
- B *Salima*
- C *Aslama*
- D *Istaslama*

Soalan 2 adalah merujuk kepada **Pernyataan 1**.

**Pernyataan 1**

Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

**S2** Apakah istilah yang sesuai bagi **Pernyataan 1**?

- A Iman
- B Ihsan
- C Islam
- D Akidah

**S3** Apakah intipati seruan Allah S.W.T. yang terkandung dalam maksud ayat al-Qur'an di bawah?

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata".

(al-Baqarah: 208)

- A Islam agama yang benar
- B Islam sebagai cara hidup
- C Islam itu syumul dan universal
- D Islam agama di sisi Allah S.W.T.

Soalan 4 dan 5 berdasarkan kepada maksud Hadith Rasulullah S.A.W.

“Sesiapa yang melepaskan seseorang mukmin daripada salah satu kesusahan dunia, maka Allah akan melepaskan salah satu kesusahannya pada hari kiamat dan sesiapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan maka Allah akan memberinya kemudahan di dunia dan akhirat ” (Hadith riwayat Muslim)

**S4** Apakah ciri kesyumulan Islam yang dinyatakan dalam Hadith tersebut?

- A Bersifat universal
- B Mendidik jiwa manusia
- C Tetap dan tidak berubah
- D Lengkap dan menyeluruh

**S5** Apakah keistimewaan Islam yang terkandung dalam Hadith di atas?

- A Bersifat menyeluruh
- B Sesuai sepanjang zaman
- C Kekal dan tidak berubah
- D Penyusun nilai hidup manusia

**S6** Apakah asas Islam yang berperanan memacu kepercayaan Muslim?

- A Ihsan
- B Akidah
- C Akhlak
- D Syariah

**S7** Apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan bertunjangkan Tauhid?

- A Melakukan sebahagian perintah Allah S.W.T.
- B Menjadikan Islam sebagai *al-Deen* dalam urusan kehidupan
- C Mengutamakan kehidupan keduniaan dalam urusan sehari-hari
- D Menjadikan akhirat matlamat utama kehidupan dengan menolak kehidupan keduniaan

**S8** Apakah matlamat utama penciptaan manusia di sisi Allah?

- A Menjauhi perkara maksiat
- B Melaksanakan perintah pemimpin negara
- C Melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T.
- D Menegak keadilan di bumi dan mencari rezeki halal

Soalan 9 dan 10 adalah berdasarkan **Jadual 1**.

Pilih maksud ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan ciri kesempurnaan Islam.

**Jadual 1**

A	Mendidik jiwa manusia
B	Lengkap dan menyeluruh
C	Dilaksanakan secara beransur-ansur
D	Memudahkan dan tidak membebankan

**S9** Maksud Firman Allah S.W.T.:

“Tiadalah Kami alpakan sesuatupun di dalam al-Kitab”

( al-An'am: 38)

**S10** Maksud Firman Allah S.W.T.:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwah. Iaitu dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), Maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari lain.  
(Al-Baqarah: 183-184)

Soalan 11 dan 12 adalah berdasarkan asas-asas Islam dalam **Jadual 2**.

Pilih jawapan yang betul mengenai asas-asas Islam.

**Jadual 2**

A	Ihsan
B	Akhlik
C	Akidah
D	Syariah

**S11** Suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan atau tingkah laku secara mudah tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian

**S12** Maksud Hadith:

“Bahawa engkau menyembah Allah S.W.T. seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau.”

S13 Apakah maksud perkataan al-Qur'an dari segi bahasa?

- A Bacaan
- B Bacaan dan himpunan huruf
- C Bacaan, himpunan huruf dan kalimah
- D Bacaan kitab suci yang diturunkan untuk umat Islam

S14 Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Furqan* sebagai salah satu nama al-Qur'an?

- A Penurunan
- B Peringatan
- C Kitab panduan
- D Pemisah hak dan batil

S15 Apakah perintah Allah S.W.T. kepada umat Islam berdasarkan ayat 36 surah al-Ahzab yang bermaksud:

"Dan taatlah kepada Allah dan RasulNya jika betul kamu orang-orang yang beriman"?

- A Sentiasa membaca al-Qur'an setiap masa
- B Umat Islam hendaklah beramal dengan al-Hadith
- C Menjadikan Ijmak sebagai panduan dalam kehidupan
- D Sentiasa mengamalkan ajaran al-Qur'an dan al-Hadith dalam kehidupan

S16 Pilih sumber-sumber yang tidak disepakati dalam perundangan Islam.

- A Ijmak dan Qiyas
- B Ijmak dan Istihsan
- C Istishab dan Ijmak
- D Istihsan dan Istishab

Soalan 17 merujuk kepada **Pernyataan 2**.

#### Pernyataan 2

Saidina Umar telah mengenepikan hukum potong tangan ke atas pencuri kerana kes tersebut berlaku pada musim kelaparan.

S17 Apakah sumber hukum yang membolehkan hukuman tersebut dilaksanakan?

- A *Uruf*
- B *Istihsan*
- C *Istishab*
- D *Sad al-Zara'ie*

**S18** Apakah nama ilmu yang membincangkan kepelbagaiannya jenis keindahan makna dan perumpamaan ayat-ayat al-Qur'an?

- A *Badi' al-Qur'an*
- B *Hujaj al-Qur'an*
- C *Gharib al-Qur'an*
- D *Aqsam al-Qur'an*

**S19** Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan wahyu ke dalam satu mashaf?

- A Zaid bin Thabit
- B Khalifah Abu Bakar
- C Abdullah bin Zubair
- D Abu Aswad al-Duwali

**S20** Apakah gelaran bagi orang yang meriwayatkan Hadith beserta sanad?

- A *Al-Hafiz*
- B *Al-Musnid*
- C *Al-Muhaddith*
- D *Al-Mukatabah*

**S21** Manakah antara berikut bukan nama-nama lain bagi al-Qur'an?

- A *Al-Zikr*
- B *Al-Kitab*
- C *Al-Tanzil*
- D *Al-Nubuwwah*

**S22** Apakah ilmu yang membincangkan tentang hal ehwal perawi Hadith?

- A Ilmu 'Ilal al-Hadith
- B Ilmu Rijal al-Hadith
- C Ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil
- D Ilmu Nasikh wa Mansukh

**S23** Mengapa penulisan Hadith dilarang semasa hayat Nabi S.A.W?

- A Kerana mendapat larangan daripada Allah
- B Dibimbangi bercampur aduk dengan ayat-ayat al-Qur'an
- C Untuk memberi tumpuan kepada penulisan ayat al-Qur'an
- D Dikhawatiri akan bercampur aduk dengan Hadith yang dhaif

**S24** Apakah ilmu yang menyelaraskan sistem tulisan dan sebutan al-Qur'an?

- A     *Ulum al-Qur'an*
- B     Ilmu *I'rab al-Qur'an*
- C     Ilmu Hadith *Dirayah*
- D     Ilmu *al-Rasm al-Qur'an*

Soalan 25 merujuk kepada situasi dalam **Pernyataan 3**.

**Pernyataan 3**

Kesilapan membaca al-Qur'an sering berlaku dalam kalangan imam yang tidak mahu mendalami ilmu-ilmu kemahiran membaca al-Qur'an.

**S25** Apakah ilmu yang perlu ditingkatkan dalam diri imam tersebut?

- A     Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Falak
- B     Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Hadith
- C     Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Faraaid
- D     Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Qur'an

**S26** Apakah bentuk penerimaan Hadith yang merupakan keizinan seorang guru kepada muridnya untuk meriwayatkan Hadith yang didengar atau ditulis olehnya?

- A     *al-Sama'*
- B     *al-Ijazah*
- C     *al-Qira'ah*
- D     *al-Munawalah*

**S27** Apakah definisi al-Sunnah dari sudut istilah ulama Usul Fiqh?

- A     Perkara yang diterima oleh Rasulullah S.A.W. yang tidak menunjukkan fardhu atau wajib
- B     Perkara yang dipindahkan dari Nabi Muhammad S.A.W. sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan yang bersangkutan dengan hukum
- C     Perkara yang disandarkan kepada Nabi S.A.W. sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, pengajaran, sejarah hidup, sama ada yang berlaku sebelum baginda diutus sebagai nabi atau sesudahnya
- D     Perkara yang dianggap sebagai hidayah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. dan diikuti oleh para sahabatnya sama ada ilmu atau iktiqad, perbuatan atau perkataan, sebagai sunnah yang wajib diikuti dan diamalkan

Soalan 28 dan 29 adalah merujuk kepada **Pernyataan 4**.

**Pernyataan 4**

Golongan	Kaedah
X	Berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi lebih terbuka, menggunakan logik akal dalam perbincangan dan perdebatan termasuk persoalan akidah
Y	Berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah terutamanya dalam masalah akidah serta tidak mendahuluikan akal dari al-Qur'an dan Sunnah

**S28** Siapakah golongan X yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Golongan al-Salafiyyah
- B Golongan al-Syarifiyyah
- C Golongan al-Khalafiyyah
- D Golongan al-Khawarijiiyah

**S29** Siapakah antara pelopor kepada golongan tersebut?

- A Imam Hasan al-Basri
- B Imam Malik bin Anas
- C Imam Ahmad bin Hanbal
- D Imam Abu Hassan al-Asy'ari

**S30** Pilih prinsip yang disepakati oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- A Menetapkan bahawa al-Qur'an adalah makhluk
- B Percaya bahawa keimanan adalah suatu ucapan dan perbuatan yang boleh bertambah dan berkurangan
- C Beriktikad bahawa orang yang melakukan dosa besar lalu meninggal dunia tanpa bertaubat dikategorikan sebagai ahli fasiq dan kufur
- D Meyakini bahawa manusia boleh melihat Allah S.W.T dalam kehidupan di dunia melalui mimpi dan kehidupan akhirat di dalam syurga

- S31 Apakah pegangan golongan Salaf dalam mentafsir ayat-ayat *mutasyabihat*?
- A Menggunakan kaedah *ta'wil* iaitu menyatakan hanya Allah S.W.T yang mengetahui maksudnya tanpa memberi makna *majazi* atau hakiki
  - B Menggunakan kaedah *tafwidh* iaitu menyatakan hanya Allah S.W.T yang mengetahui maksudnya tanpa memberi makna *majazi* atau hakiki
  - C Menggunakan kaedah *tafwidh* iaitu tidak memberi makna ayat secara literal tetapi memindahkan makna kepada kalimah bahasa Arab yang memiliki makna *majazi*
  - D Menggunakan kaedah *ta'wil* iaitu tidak memberi makna ayat secara literal tetapi memindahkan makna kepada kalimah bahasa Arab yang memiliki makna *majazi*
- S32 Siapakah khalifah yang menjadikan mazhab Muktazilah sebagai pegangan rasmi Kerajaan Bani Abbasiyah?
- A al-Muntasir (861-862)
  - B al-Makmun (813-833)
  - C al-Muktasim (833-842)
  - D al-Mutawakkil (847-861)
- S33 Apakah ciri-ciri golongan Salaf?
- A Golongan yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama tarafnya
  - B Golongan yang menggunakan logik akal dalam perdebatan tentang akidah
  - C Golongan yang menetapkan sesiapa yang pendapatnya menyalahi al-Qur'an adalah kafir
  - D Golongan yang terdiri daripada para Sahabat, Tabi'in serta pengikut keduanya yang terdiri daripada imam-imam terkemuka mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah

Soalan 34 adalah merujuk kepada **Pernyataan 5**.

#### **Pernyataan 5**

Al-Qur'an adalah makhluk.  
Allah S.W.T. tidak boleh dilihat dengan pandangan mata di alam akhirat

- S34 Siapakah golongan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?
- A Jabariah
  - B Khawarij
  - C Muktazilah
  - D Ahli Sunnah wal Jamaah

**S35** Apakah isu yang menjadi perdebatan di antara Imam Abu Hassan al-Asy'ari dengan Abu Ali al-Jubai?

- A Keadilan Allah
- B Padang Mahsyar
- C Ayat *Mutasyabihat*
- D Syurga dan Neraka

Soalan 36 merujuk kepada **Pernyataan 6**

**Pernyataan 6**

- Al-Qurtubi
- Al-Haitami
- Al-Baqilani
- Imam Nawawi

**S36** Apakah aliran pemikiran yang menjadi pegangan ulama di atas?

- A Syiah
- B Khawarij
- C Muktazilah
- D Ahli Sunnah wal Jamaah

**S37** Apakah maksud perkataan ahli dalam frasa Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Orang yang mempunyai tahap kepakaran
- B Orang yang mengikut landasan yang benar
- C Orang yang menjadi ahli dalam satu kumpulan
- D Orang yang mahir dalam selok belok sesuatu bidang

**S38** Sepanjang akhir abad pertama dan awal abad ke dua hijrah telah wujud satu kumpulan umat Islam yang giat memahami al-Qur'an dan al-Sunnah. Siapakah pemimpin kumpulan tersebut?

- A Imam Hasan al-Basri
- B Imam Ahmad bin Hanbal
- C Imam Abu Hassan al-Asy'ari
- D Imam Abu Mansur al-Maturidi

S39 Mengapakah Imam Ahmad bin Hanbal dijatuhkan hukuman penjara?

- A Beliau menyatakan al-Qur'an bukan makhluk
- B Beliau menyatakan orang yang membunuh tidak menjadi kafir
- C Beliau menyatakan manusia boleh melihat Allah S.W.T. di akhirat
- D Kerana beliau menyatakan orang yang melakukan dosa besar lalu meninggal dunia tanpa bertaubat bukan fasiq

 S40 Siapakah golongan salaf?

- A Golongan terdahulu yang lebih sederhana dan terbuka berbanding golongan khalfat
- B Golongan terdahulu yang tidak mendahulukan akal dari al-Qur'an dan al-Sunnah
- C Golongan terdahulu yang tidak mendahulukan akal dari al-Qur'an dan al-Sunnah
- D Golongan terkemudian yang tidak mendahulukan akal dari al-Qur'an dan al-Sunnah

S41 Manakah antara berikut bukan merupakan sebab yang memerlukan penggunaan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah secara meluas?

- A Membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bidaah yang sesat
- B Membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah daripada Islam
- C Membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahului akal dari dalil al-Qur'an dan al-Hadith
- D Membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujjah menolak Allah sebagai Tuhan

S42 Apakah pegangan golongan Qadariyyah yang menyebabkan mereka dikategorikan sebagai golongan yang terkeluar daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Menafikan kuasa manusia
- B Menafikan takdir Allah S.W.T
- C Mengatakan Allah S.W.T. pencipta
- D Menidakkan kekuasaan Allah S.W.T.

S43 Apakah penyumbang utama kepada perkembangan ajaran sesat di Malaysia?

- A Umat Islam menjauhi para ulama'
- B Umat Islam terlalu berpandangan jauh
- C Sikap terlalu ingin menjadi pemimpin
- D Umat Islam jauh dari al-Qur'an dan al-Sunnah

**S44** Manakah antara pernyataan berikut yang tidak menjelaskan ciri-ciri golongan Khawarij?

- A Menetapkan Saidina Uthman R.A. dan Ali R.A. kafir
- B Keterlaluan menetapkan sesiapa yang pendapat dan amalannya menyalahi al-Qur'an adalah kafir
- C Terlalu mengagung-agungkan Saidina Ali R.A. sehingga ada yang mengatakan beliau adalah Tuhan
- D Mengatakan orang mukmin yang melakukan dosa besar menjadi kafir dan sekiranya tidak bertaubat lalu meninggal dunia maka mereka akan kekal dalam neraka

Soalan 45 dan 46 adalah merujuk kepada **Jadual 3**

**Jadual 3**

Golongan	Ciri-ciri
X	Menafikan takdir Allah. Segala perbuatan manusia adalah hasil dari kuasa dan kehendak mereka sendiri.”
Y	Mengatakan bahawa semua perbuatan manusia di bawah kawalan Allah dan manusia tidak mempunyai sebarang kuasa.

**S45** Siapakah golongan X dalam pernyataan di atas?

- A Khawarij
- B Jabariyyah
- C Muktazilah
- D Qadariyyah

**S46** Siapakah golongan Y dalam pernyataan di atas?

- A Khawarij
- B Jabariyyah
- C Muktazilah
- D Qadariyyah

**S47** Apakah asal perkataan mazhab?

- A Perkataan Arab yang bererti perjalanan
- B Perkataan Parsi yang bererti perjalanan
- C Perkataan Melayu yang bererti hukum hakam,
- D Perkataan Sanskrit yang bererti aliran pemikiran

**S48** Mengapakah ilmu Usul Fiqh tidak diperlukan pada zaman Rasulullah S.A.W.?

- A Rasulullah S.A.W. adalah sumber hukum bagi setiap permasalahan
- B Rasulullah S.A.W. sibuk dengan penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Arab
- C Pemahaman terhadap hukum melalui Ilmu Usul Fiqh tidak relevan dengan bangsa Arab Jahiliyyah.
- D Para Sahabat masih belum memiliki keupayaan untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an melalui Ilmu usul fiqh

**S49** Siapakah imam Mazhab yang dikenali dengan panggilan *al-Imam al-A'zam*?

- A Imam Malik
- B Imam Syafi'i
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad Ibn Hanbal

**S50** Apakah nama mazhab Imam Syafie ketika berada di Mesir?

- A Mazhab Iraqi
- B Mazhab Jadid
- C Mazhab Qadim
- D Mazhab Zahiriyyah

**S51** Apakah yang dimaksudkan dengan *Wadi'ah*?

- A Jualan penambahan untung yang telah dipersetujui antara pembeli dengan penjual kerana sebab-sebab tertentu
- B Memberikan kekuasaan kepada orang lain untuk menjaga harta atau barangnya dengan secara terang-terangan atau dengan isyarat
- C Pertukaran atau perpindahan hak milik sesuatu aset atau wang dari pemilik asal kepada pihak lain dengan syarat pihak lain itu berkewajipan memulangkan aset atau wang yang dipinjam tersebut atau yang sama nilainya pada kemudian hari
- D Suatu akad yang dibuat oleh dua pihak yang mana satu pihak mengeluarkan wang atau modal kepada satu pihak lagi untuk diniagakan dan untung yang diperolehi akan dibahagikan antara mereka mengikut kadar sebagaimana yang dipersetujui semasa akad

Soalan 52 dan 53 adalah merujuk kepada **Jadual 4**

**Jadual 4**

A	<i>al-Qard</i>
B	<i>Wadi'ah</i>
C	<i>Murabahah</i>
D	<i>Mudharabah</i>

- S52** Apakah jual beli yang merupakan akad kerjasama antara pemilik dana dengan pengusaha untuk melakukan suatu usaha bersama. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagi antara keduanya dengan perbandingan nisbah yang disepakati sebelumnya?
- S53** Apakah jual beli yang merupakan pertukaran atau perpindahan hak milik sesuatu aset atau wang dari pemilik asal kepada pihak lain dengan syarat pihak lain itu wajib memulangkan aset atau wang yang dipinjam tersebut atau yang sama nilainya pada kemudian hari?
- S54** Manakah antara berikut tidak menjelaskan tentang *al-Jinayah* atau *al-Jarimah* menurut perspektif Islam?
- A Merujuk kepada segala bentuk kesalahan yang telah ditetapkan berdasarkan hak Allah
  - B Hukuman akan dikenakan kepada manusia yang melanggar hak Allah, hak individu dan hak Allah serta individu
  - C Kesemua perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada mengenai nyawa, tubuh badan, harta benda dan sebagainya.
  - D Undang-undang jenayah diwujudkan bertujuan untuk memelihara *dharuriyat al-arba'ah* iaitu agama, nyawa, akal dan harta.

Soalan 55 adalah merujuk kepada situasi dalam **Pernyataan 7**

**Pernyataan 7**

Ahmad seorang murid darjah satu Sekolah Kebangsaan Pemanis Jaya dalam perjalanan pulang dari sekolah. Cuaca sangat terik menyebabkan dia berasa amat dahaga. Dia menjumpai satu tin minuman yang tidak dapat dipastikan jenis dan kandungannya. Oleh kerana terlalu dahaga dia terus minum air tersebut. Selepas minum air dalam tin tersebut Ahmad berasa pening dan mabuk. Setelah disiasat, didapati Ahmad telah minum arak.

- S55** Berdasarkan situasi di atas, adakah Ahmad boleh dikenakan hukuman hudud. Pilih jawapan berserta alasan yang paling tepat.

- A Tidak, kerana dia terpaksa
- B Ya, kerana dia seorang yang berakal
- C Ya, kerana dia seorang yang beragama Islam
- D Tidak, kerana dia tidak tahu kandungan sebenar air dalam tin minuman tersebut

Soalan 56 adalah merujuk kepada **Jadual 5**

**Jadual 5**

<b>A</b>	Merompak dan membunuh	Buang daerah
<b>B</b>	Membunuh tanpa merompak	Balas bunuh dan disalib
<b>C</b>	Merompak sahaja	Potong tangan dan kaki secara bersilang
<b>D</b>	Menakut-nakutkan atau mengganggu ketenteraman awam	Balas bunuh

- S56** Pilih pasangan bagi jenis kesalahan dan hukuman yang dikenakan.

- S57** Bagaimanakah Islam menjadikan suatu pekerjaan itu sebagai ibadah?

- A Menentukan hanya pekerjaan yang menguntungkan
- B Pekerja itu mestilah berkemahiran dan mempunyai nilai keikhlasan yang tinggi
- C Mempastikan suatu pekerjaan itu sentiasa mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan
- D Mempastikan sesuatu pekerjaan itu tidak mencampur aduk dengan perkara yang diharamkan

**S58** Mengapakah Islam mementingkan keikhlasan apabila melakukan sesuatu pekerjaan?

- A Pekerjaan yang dilakukan akan dikira sebagai ibadah
- B Pekerjaan yang dilakukan akan menjaminkekayaan seseorang
- C Keikhlasan akan dapat meningkatkan kualiti pekerjaan seseorang
- D Keikhlasan akan dapat menjadikan seseorang itu berkerja dengan tekun

**S59** Manakah antara berikut adalah etika dalam Islam?

- A Ilmu yang dapat mengatur pergaulan sesama manusia
- B Ilmu yang dapat menjelaskan sesuatu perkara yang baik dan buruk
- C Ilmu mengenai matlamat terakhir dari seluruh usaha yang dilakukan oleh manusia
- D Ilmu mengenai keupayaan diri untuk melaksanakan semua amanah yang dipertanggungjawabkan

**S60** Pilih pernyataan yang betul berkaitan konsep akauntabiliti dalam pekerjaan.

- A Melakukan pekerjaan bagi memenuhi kepuasan kepada individu
- B Melakukan pekerjaan dengan penuh tanggungjawab mengikut prosedur kerja yang ditetapkan
- C Melakukan pekerjaan dengan penuh ketekunan bagi meningkatkan taraf kehidupan diri dan keluarga
- D Melakukan pekerjaan yang dilakukan dengan penuh amanah untuk mendapat pujian daripada majikan

**S61** Kumpulan Kawalan Mutu atau *Quality Control Circle* yang merupakan etika kerja Islam. Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengannya?

- A Bekerja secara tekun dan cekap kerana Allah S.W.T.
- B Berusaha mencapai matlamat kebahagiaan bagi manusia sejagat
- C Semangat gotong-royong dan berpadu fikiran kerana Allah S.W.T.
- D Mengelak daripada melakukan sebarang kesilapan sewaktu menjalankan sesuatu pekerjaan

**Soalan 62 dan 63 berdasarkan Penyataan 8**

**Pernyataan 8**

Nasir adalah seorang pelajar di sebuah IPTA berkeinginan untuk berkahwin. Bagaimanapun dia tidak mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian kerana masih belum menamatkan pengajian. Tambahan pula dia belum mempunyai pekerjaan tetap bagi menanggung keluarga sendiri.

**S62** Apakah hukum perkahwinan bagi Nasir?

- A Sunat
- B Wajib
- C Haram
- D Makruh

**S63** Apakah langkah yang sesuai bagi umat Islam yang berada dalam situasi seperti Nasir?

- A Banyakkan berpuasa
- B Elakkan perkahwinan
- C Tumpukan kepada pengajian sepenuhnya
- D Tinggalkan pengajian dan segera berkahwin

Soalan 64 dan 65 adalah merujuk kepada wanita-wanita yang haram dikahwini berdasarkan **Jadual 6** di bawah.

**Jadual 6**

X	Y
Adik ipar	Ibu kandung
Kakak ipar	Z
Isteri orang	Ibu Mertua

**S64** Apakah jenis pengharaman yang sesuai untuk X?

- A Susuan
- B Sementara
- C Keturunan
- D Persemendaan

**S65** Anak kepada Z haram untuk dikahwini walaupun berlainan ibu dan ayah serta tiada ikatan persaudaraan melalui perkahwinan. Siapakah Z?

- A Ibu Tiri
- B Ibu Susuan
- C Ibu Angkat
- D Ibu Saudara

**S66** Manakah antara tindakan berikut menjadikan seorang isteri nusyuz?

- A Isteri menuntut nafkah yang lebih dari suami
- B Isteri menasihatkan suami dalam urusan rumah tangga
- C Isteri melanggar kehendak suami dalam perkara yang haram
- D Isteri yang enggan berpindah ke rumah yang telah disediakan oleh suami

**S67** Apakah langkah awal yang boleh diambil oleh seorang suami terhadap isteri yang nusyuz?

- A Menjatuhkan talak
- B Memberi nasihat dan teguran
- C Memukul yang tidak memudaratkan
- D Memberhentikan pemberian nafkah zahir dan batin

**S68**

Manakah antara berikut merupakan perkara yang boleh merosakkan akidah?

- I      Menyatakan alam ini terjadi dengan sendiri
  - II     Menyatakan malas untuk mendirikan solat lima waktu
  - III    Menyatakan jin berkuasa untuk memberi perlindungan
  - IV    Menyatakan hukum Allah S.W.T. tidak sesuai digunakan lagi
- 
- A    I, II dan III sahaja
  - B    I, II dan IV sahaja
  - C    II, III dan IV sahaja
  - D    I, II, III dan IV

**S69**

Manakah antara berikut merupakan sumber rujukan Islam yang disepakati oleh semua ulama?

- I      'Uruf
  - II     Qiyas
  - III    Al-Hadith
  - IV    Al-Qur'an
- 
- A    I, II dan III sahaja
  - B    I, II dan IV sahaja
  - C    II, III dan IV sahaja
  - D    I, II, III dan IV

**S70**

Manakah antara berikut merupakan sifat-sifat al-Qur'an sebagai kitab suci untuk umat manusia?

- I      Al-Nur
  - II     Al-Mubin
  - III    Al-Rahim
  - IV    Al-Rahmah
- 
- A    I, II dan III sahaja
  - B    I, II, III dan IV sahaja
  - C    II, III dan IV sahaja
  - D    I, II, III dan IV

*1, 2, 3, 4*

*Sahabat di zaman*

**S71** Siapakah tokoh terawal dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin yang mempelopori ilmu-ilmu al-Qur'an?

- I Ibnu Mas'ud
- II Malik bin Anas
- III Ali bin Abi Thalib
- IV Umar ibnu Khattab

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S72** Pilih bentuk-bentuk penerimaan Hadith.

- I *Al-Sama'*
- II *Al-Ijazah*
- III *Al-Wasiah*
- IV *Al-Munawalah*

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S73** Jelaskan pembahagian ilmu Hadith.

- I Ilmu *Rijal al-Hadith*
- II Ilmu Hadith *Dirayah*
- III Ilmu Hadith *Riwayah*
- IV Ilmu *Mukhtalaf Hadith*

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

**S74** Manakah antara pernyataan berikut yang tidak menjelaskan mengenai kedudukan sahabat dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an?

- I Rasulullah S.A.W. melarang sahabat memberi fatwa kerana menunggu ayat al-Qur'an turun kepada mereka
  - II Rasulullah S.A.W. dijadikan rujukan utama dalam menyelesaikan masalah pemahaman ayat-ayat al-Qur'an
  - III Rasulullah S.A.W. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijihad bagi memahami kehendak wahyu
  - IV Generasi sahabat sangat faham dengan al-Qur'an sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S75** Prinsip muamalat Islam mestilah berasaskan kepada perkara berikut.

- I Keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
  - II Bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata
  - III Sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
  - IV Harta yang diperolehi boleh digunakan untuk perkara yang halal dan haram
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S76** Manakah antara pernyataan berikut merupakan penyelewengan golongan Syiah?

- I Terlalu mengagungkan ahli bait
  - II Suka mencaci dan mengkafirkan para sahabat
  - III Memuja para sahabat terutamanya Saidina Abu Bakar R.A.
  - IV Terlalu mengagung-agungkan Saidina Ali R.A. sehingga tahap mengatakan beliau adalah Tuhan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S77 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan lahirnya mazhab fiqh?

- I Perbezaan kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu
  - II Perbezaan pengalaman yang dialami oleh ulama dalam mengistinbat hukum
  - III Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan Hadith Rasulullah S.A.W.
  - IV Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan sesetengah ayat al-Qur'an
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S78 Apakah hikmah pensyariatan al-Qard dalam Islam?

- I Dapat menghapuskan kezaliman yang berlaku dengan menolak riba
  - II Dapat mengurangkan dengan pantas beban mereka yang dalam kesusahan
  - III Amalan tolong menolong dapat menguatkan ukhuwwah di antara umat Islam
  - IV Allah SWT sangat menggalakkan tolong menolong di antara satu sama lain dalam melakukan kebaikan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S79 Apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan qazaf?

- I Membuat tuduhan yang bertujuan untuk merugikan seseorang
  - II Melemparkan tuduhan zina tanpa bukti dan saksi kepada orang yang baik
  - III Membuat tuduhan zina yang bertujuan untuk menafikan keturunan seseorang
  - IV Membuat tuduhan berzina kepada perempuan dan lelaki yang belum berkahwin
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S80** Manakah antara berikut adalah pembahagian kesalahan takzir ?

- I Takzir atas kesalahan kecil
  - II Takzir atas perbuatan maksiat
  - III Takzir untuk kepentingan awam
  - IV Takzir atas kesalahan yang tidak ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**